

ADAB ANAK-ANAK TERHADAB IBU BAPANYA

Sekurang-kurangnya 10 perkara:

- 1 – Mendengar dan mengikuti akan segala perkataan ibu bapanya. Wajib menerima dan haram menyalahinya pada suruhan dan larangannya.
- 2 – Hendaklah berdiri apabila ibu bapanya berdiri kerana membesarkannya.
- 3 – Jangan berjalan dihadapannya.
- 4 – Jangan mengangkat suara mengatasi suara ibu bapanya.
- 5 – Apabila ibu bapanya memanggilnya, maka hendaklah dia menjawabnya dengan cara yang sopan, seperti “ya” atau sebagainya.
- 6 – Hendaklah bersungguh-sungguh menuntut keredhaan ibu bapanya pada perkataannya dan perbuatannya serta merendahkan diri.
- 7 – Jangan mengungkit-ungkit diatas apa kebaikan yang telah dilakukannya terhadap ibu bapanya itu.
- 8 – Jangan menilik terhadap ibu bapanya itu dengan tilikan yang menyakitkan hati atau dengan cara yang marah.
- 9 – Jangan memasamkan muka terhadap ibu bapanya itu dengan marah atau lainnya.
- 10 – Jangan musafir atau melancong melainkan dengan izin ibu bapanya kecuali kerana mengerjakan haji yang wajib atau menuntut ilmu, tetapi sunat meminta izin adapun haji yang sunat atau ziarah Nabi-Nabi. Maka wajib meminta izin.